




SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 24 Muharram 1444 / 22 Ogos 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan pengurangan di mana kadar purata harian kes pada minggu ini ialah sebanyak 283 kes sehari, berbanding dengan 420 kes sehari pada minggu lepas. Sebanyak 59,328 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 3.3% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif. Ini bermakna jumlah purata harian kes telah menurun sebanyak 83.6% dari masa kemuncak gelombang keempat wabak ini pada pertengahan bulan Julai yang lalu.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, terdapat **satu kes** di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **3 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 21 Ogos 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **76.6%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **9.0%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **247 kes baru** telah dilaporkan iaitu 238 kes hasil ujian ART dan 9 kes adalah hasil dari 284 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Dalam kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas komitmen seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang telah sama-sama berjaya menamatkan *One Billion Steps Challenge* pada hari ini. Cabaran tersebut yang disertai oleh lebih 43 ribu peserta telah dicapai dalam masa 8 hari 3 jam dan 41 minit iaitu satu masa yang lebih pendek dari tempoh satu bulan dalam jangkaan awal. Majlis penyampaian hadiah kepada 20 peserta yang mempunyai pencapaian tertinggi di dalam kempen *One Billion Steps Challenge* ini, Insya Allah akan diadakan pada awal bulan September nanti. Berikutan dengan kejayaan ini, cabaran-cabaran seterusnya di bawah inisiatif *BN On The Move* sedang giat dirancang dan akan dimaklumkan kepada orang ramai apabila sedia untuk dilaksanakan nanti. Sementara itu, marilah kita terus aktif dan melakukan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah bagi memastikan kita dan keluarga kita sentiasa dalam kesihatan yang baik dan optima. Bagi orang ramai yang belum menyertai inisiatif *BN On The Move*, mereka adalah dialu-alukan untuk mendaftar dan menyertai inisiatif tersebut di dalam aplikasi *BruHealth* masing-masing. Teruslah bergerak untuk kesihatan, setiap langkah adalah penting. *Every Little Move Counts!*
4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 24 Muharram 1444H / 22 Ogos 2022